



جَمْعِيَّةُ الْعُلَمَاءِ وَوُجُوهِ الدِّينِ الْإِسْلَامِيِّ بِسِنْجَاپُورَةَ

Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam (Singapura)  
Singapore Islamic Scholars & Religious Teachers Association

## UNTUK SEBARAN MEDIA

22 Mac 2019

### PANDUAN AGAMA MENGENAI HIBURAN MUZIK 'BLACK METAL'

Seni merupakan satu keindahan. Menjadi lumrah manusia untuk rasa cinta dan terdorong kepada sesuatu yang indah. Dorongan tersebut pula merupakan naluri atau fitrah manusia yang dianugerahkan Allah kepada para hamba-Nya. Firman Allah s.w.t. di dalam surah Al-Rum ayat 30:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۝

Ertinya: "(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

2 Islam sebagai agama yang tidak mengabaikan fitrah kejadian manusia, tidak melarang umatnya daripada menikmati aktiviti kesenian atau hiburan, asal sahaja ianya dibatasi dengan landasan syariat.

### Muzik dalam Perspektif Islam

3 Antara bentuk hiburan yang diminati ramai adalah muzik. Para ulama berbeza pandangan dalam seni muzik. Sebahagian tidak membenarkan dan sebahagian lagi mengharuskan. Antara para ulama yang melarangnya ialah seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad Ibn Hanbal yang berpandangan bahawa hukum muzik adalah makruh ataupun haram. Sebahagian lain pula seperti

Imam Al-Ghazali, Sheikh Mahmud Shaltut, Sheikh Muhammad Al-Ghazali, dan Sheikh Yusuf Al-Qaradawi berpandangan ia adalah harus dengan batasan dan syarat tertentu.

4 Imam al-Ghazali dalam kitabnya Ihya' Ulum Al-Din contohnya berpandangan bahawa pancaindera telinga diciptakan untuk mendengar bunyi-bunyian yang merdu. Namun beliau juga mengingatkan bahawa tidak digalakkan untuk berhibur atau mendengar muzik secara berlebihan, sebagaimana kita tidak boleh memakan secara berlebihan.

5 Sheikh Yusuf Al-Qaradawi dalam kitabnya Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam berpandangan bahawa walaupun muzik pada umumnya adalah harus, namun ia boleh bertukar menjadi hukum lain seperti haram apabila tidak memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

6 Antara syarat yang disepakati oleh para ulama yang mengharuskan muzik adalah kandungan ataupun lirik lagu tidak boleh bertentangan dengan nilai-nilai Islam ataupun menggalak perkara-perkara yang haram seperti meminum arak, mengambil dadah dan sebagainya. Pelaksanaannya juga tidak boleh menyimpang dengan adab dan nilai agama seperti acara yang bercampur-gaul yang bebas antara lelaki dan wanita sehingga boleh menimbulkan fitnah.

### **Muzik 'Black Metal'**

7 'Black Metal' merupakan salah satu aliran muzik Rock. Ia dikenali dengan lirik yang bersifat keras dan ganas, mengandungi unsur anti agama dan anti Tuhan. Menurut Harris M. Berger, professor dalam bidang muzik di Universiti Texas A&M yang menjelaskan bahawa 'black metal' merujuk kepada kumpulan yang secara jelas mengagungkan dan memuja syaitan. Konsert dan persembahan dari kumpulan 'black metal' sering disertai dengan upacara pemujaan syaitan, api, meminum darah dan lain lagi.

8 Sedangkan syaitan di dalam pandangan Islam, adalah musuh yang dilaknati Allah s.w.t. Al-Quran menerangkan bahawa Iblis dan syaitan mempunyai misi untuk menyesatkan manusia. Firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Sad ayat 82-83:

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ۝٨٢ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلَصِينَ ۝٨٣

Ertinya: Kecuali hamba-hambaMu di antara zuriat-zuriat Adam itu yang dibersihkan dari sebarang kederhakaan dan penyelewengan.

9 Berdasarkan pendapat ini, unsur dalam genre muzik 'black metal' jelas bertentangan dengan ajaran Islam dan syarat yang ditetapkan oleh ulama yang mengharuskan muzik. Malah ia boleh membawa kepada mengagungkan dan penyembahan syaitan sebagai Tuhan.

10 Bukan sahaja muzik yang memuji syaitan, tetapi semua aktiviti yang melibatkan pemujaan dan seruan kepada syaitan adalah haram di sisi Islam seperti amalan sihir dan segala amalan yang bersangkutan dengannya.

### **Perlu Berhati-Hati Dalam Memilih Hiburan**

11 Meskipun sebahagian dari penggemar muzik 'black metal' mendengarnya bagi tujuan hiburan sahaja tanpa niat mengagungkan syaitan mahupun menghina agama lain. Namun jika dibiasakan ia boleh meresap ke dalam minda dan memberi kesan kepada hati. Bahkan ia boleh melahirkan sikap tidak kisah dan sensitiviti terhadap perasaan tidak mahu menyinggung agama. Ini pastinya secara tidak langsung boleh melahirkan rasa tidak senang antara warga yang berbeza bangsa dan agama.

12 Bukan itu sahaja, kesilapan dalam membuat pilihan terhadap sesuatu yang digemari dan dicintainya juga bakal memberi kesan pada hari kemudian. Ini kerana seseorang yang menjadikan kumpulan yang mengagungkan syaitan sebagai pujaan mereka, maka dikhuatiri mereka bakal bersama dengan golongan ini. Sementara seseorang yang cinta kepada para Nabi dan orang-orang soleh pula bakal bersama mereka pada hari akhirat nanti. Daripada Abdullah Bin Mas'ud r.a. meriwayatkan:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، كَيْفَ تَقُولُ فِي رَجُلٍ أَحَبَّ قَوْمًا وَلَمْ يَلْحَقْ بِهِمْ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ

Ertinya: Ada seorang lelaki datang kepada Rasulullah lalu berkata: “Ya Rasulullah, bagaimanakah pendapatmu mengenai seorang yang mencintai sesuatu kaum, tetapi tidak pernah menemui kaum itu?” Rasulullah s.a.w. bersabda: “Seseorang itu bersama siapa yang dicintai.” (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

13 Agama Islam juga melarang kita dari menyokong dan membantu penyebaran perbuatan yang mungkar dan perkara yang melampaui batas. Allah s.w.t. mengingatkan kepada kita perkara ini dalam surah al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۝

Ertinya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

14 Oleh yang demikian, Pergas menggesa masyarakat Islam terutamanya agar lebih berhati-hati dan peka dalam pemilihan hiburan serta berhati-hati dengan tipu daya syaitan. Sesuai dengan tuntutan agama agar saling membantu dalam kebaikan, masyarakat Islam juga digalakkan untuk saling menasihati dan ingat mengingatkan satu sama lain dalam melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran.

15 Semoga kita dapat menjadi seorang Muslim yang mempunyai sikap dan akhlak yang mulia dan mampu membuat penilaian berdasarkan ilmu dan kerohanian yang kukuh sehingga menjadi umat contoh dalam melakukan perkara kebaikan serta kebajikan.

## **PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)**